

BERITA ONLINE
BERNAMA
TARIKH: 13 JUN 2022 (ISNIN)



Sarawak usaha tingkat penerimangunaan IR4.0 - Abang Johari



Sarawak Minister of Telecommunications and Utilities, Datuk Julaihi Narawi (left) represented the State Premier, Tan Sri Abang Johari Tun Openg, receiving a souvenir from the Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) chairman Tan Sri Abd Rahman Mamat (right) at the launching of Prototyping Lab at TEGAS Digital Village Kuching



13/06/2022 08:58 PM

KUCHING, 13 Jun (Bernama) -- Penubuhan Makmal Prototaip Revolusi Perusahaan 4.0 (IR4.0) yang pertama di Sarawak akan melonjakkan penerimangunaan IR4.0 di negeri ini selaras dengan transformasi digital, kata Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg.

Beliau berkata makmal yang dibangunkan hasil kolaborasi Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Perbadanan Ekonomi Digital Sarawak (SDEC) itu akan menjadi batu loncatan bagi Sarawak untuk menjadi negeri berpendapatan tinggi menjelang 2030.

"Ini adalah kemudahan IR4.0 pertama Sarawak, dan saya harap inisiatif ini akan memacu kita semua untuk menerima pakai sepenuhnya revolusi ini. Industri tempatan kita kini mempunyai kemudahan pusat yang menyediakan penggunaan IR4.0 end-to-end, yang menyokong lonjakan perniagaan mereka ke arah Kesediaan IR4.0," katanya dalam ucapan pelancaran makmal berkenaan di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak Datuk Julaihi Narawi.

Abang Johari berkata inisiatif itu akan membantu perusahaan tempatan untuk menjadi lebih kompetitif secara global, dan seterusnya menarik pelaburan asing menerusi penyediaan teknologi, kepakaran dan program-program pembangunan kapasiti tempatan, bagi memupuk ekosistem menyeluruh IR4.0.

"Kita hendak memastikan bahawa kita dilengkapi dengan keupayaan serta peralatan yang tepat bagi memastikan industri mendapat sokongan yang baik untuk transformasi digital," katanya.

Turut hadir di majlis pelancaran ialah Pengerusi MTDC Tan Sri Abd Rahman Mamat, Ketua Pegawai Eksekutif MTDC (CEO) Datuk Norhalim Yunus, Pengerusi SDEC Tan Sri Mohamad Morshidi Abdul Ghani dan Ketua Pegawai Eksekutif SDEC Sudarnoto Osman.

-- BERNAMA